

## **Notis Privasi**

### **AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (APDP)**

Salam Sejahtera,

Selaras dengan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi (APDP) pada 15 November 2013, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) komited untuk mematuhi semua peruntukan APDP yang bertujuan untuk melindungi data peribadi anda. Sila ambil maklum, melalui interaksi anda dengan LPPSA, data peribadi yang dikumpul akan diproses dan dizahir seperti yang disenaraikan di bawah.

#### **Pengumpulan dan Pemprosesan Data Peribadi**

Data peribadi anda boleh dikumpul dan diproses oleh LPPSA untuk tujuan berikut:-

- i. Berkomunikasi dengan anda;
- ii. Menilai permohonan anda bagi apa-apa produk LPPSA;
- iii. Memproses apa-apa transaksi pembayaran;
- iv. Menguruskan dan mengekalkan akaun;
- v. Mengesahkan kedudukan kewangan menerusi pemeriksaan rujukan kredit;
- vi. Menjawab pertanyaan dan aduan anda;
- vii. Untuk tujuan pengambilan kakitangan;
- viii. Melaksanakan aktiviti dalaman;
- ix. Melakukan kaji selidik dan analisis bagi meningkatkan produk dan perkhidmatan LPPSA;
- x. Memenuhi keperluan pihak berkuasa/keperluan perundangan atau mana-mana Undang-Undang yang mengikat LPPSA;
- xi. Menguruskan faedah dan manfaat anda;
- xii. Menguruskan pembayaran takaful/insuran yang berkaitan;
- xiii. Menguruskan pemulihan hutang dan kutipan;
- xiv. Menguruskan urusan perolehan dan transaksi kewangan;
- xv. Mengemas kini dan memperbaiki ketepatan rekod kami; dan
- xvi. Apa-apa tujuan lain samada secara langsung atau tidak langsung yang berkaitan dengan LPPSA.

#### **Penzahiran Data Peribadi**

Adalah dimaklumkan dalam sebarang situasi dan jika diperlukan ketika melaksanakan tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas, LPPSA boleh menzahirkan maklumat peribadi anda kepada pihak berikut:-

- i. Kerajaan Persekutuan/Negeri dan mana-mana agensi kerajaan dibawahnya;
- ii. Agensi-agensi Penguatkuasaan atau pengawalseliaan;
- iii. Mana-mana organisasi yang dilantik untuk berkhidmat dengan LPPSA;
- iv. Mana-mana organisasi untuk melengkapkan transaksi yang diminta oleh anda;
- v. Mana-mana penyedia perkhidmatan kewangan yang diminta oleh anda;
- vi. Penasihat profesional yang dilantik untuk berkhidmat dengan LPPSA;
- vii. Mana-mana pihak yang memberi jaminan atas permohonan anda;
- viii. Mana-mana pihak yang dibenarkan di dalam peruntukan Undang-Undang, ketetapan mahkamah atau pihak berkuasa;
- ix. Mana-mana agensi/syarikat pelaporan kredit yang berkhidmat dengan LPPSA; dan
- x. Pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan fungsi LPPSA.

Sila ambil perhatian bahawa LPPSA boleh mengemaskini Notis Privasi ini dari masa ke semasa. Jika terdapat perubahan kepada Notis Privasi ini, LPPSA akan memberitahu anda dengan menyiarkan notis perubahan tersebut di laman web LPPSA.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan Notis Privasi, sila emel [pdp@lppsa.gov.my](mailto:pdp@lppsa.gov.my)